

BN atur strategi atasi kempen ganas Pas

15 JUN 2002

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Barisan Nasional (BN) akan memikirkan strategi bagi mengatasi corak kempen Pas yang tidak bersopan sebagaimana yang ditunjukkan pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit di Kedah, dalam menghadapi pilihan raya umum kelak.

Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebelum pilihan raya kecil semalam, tidak pernah ada bentuk kempen yang menggunakan kekerasan, sebagaimana yang ditunjukkan penyokong Pas.

"Sebelum ini tak ada fenomena begini tetapi sekarang, mereka (Pas) rasa menggunakan taktik ganas, mereka boleh menang. Kita perlu fikir bagaimana untuk menghadapi perkara ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam (Kalif 2002) di Hotel Sheraton Imperial di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada BN sedia menghadapi pilihan raya umum selepas perkembangan terbaru bentuk kempen yang tidak sopan, yang dijalankan Pas di dua pilihan raya kecil itu.

BN semalam merampas semula kerusi Parlimen Pendang, manakala Pas mengekalkan kawasan DUN Anak Bukit dengan majoriti tipis.

Calon RN di Pendang, Datuk Othman Abdul menewaskan Dr Mohd Hayati Othman (Pas) dengan majoriti 283 undi. Othman mendapat 22,825 undi, manakala lawannya memperoleh 22,542 undi.

Perdana Menteri, berkata keganasan yang ditunjukkan Pas dalam dua pilihan raya kecil itu disebabkan seluruh jentera partinya bertumpu bagi menjalankan kempen.

Bagaimanapun, katanya, ketika pilihan raya umum kelak, penyokong parti berkenaan terpaksa pergi ke semua tempat di dalam negara dan ini akan menjadi halangan bagi mereka untuk terus menggunakan taktik ganas.

Ahli Pas terlalu taksub dengan pemimpin

DARI MUKA 1

“Saya harap mereka tidak akan terus dengan cara ganas yang mereka buat ini. Mereka membuat sesak di tempat (pungutan undi) itu semalam, orang tidak boleh lalu, mereka sekat bas yang membawa penyokong BN.

“Secara amnya, mereka bertindak seperti polis dan tidak endah dengan undang-undang,” katanya.

Dr Mahathir juga berkata, adalah sesuatu yang mengecewakan kerana penyokong Pas boleh menyokong mereka atau pemimpin yang sebenarnya tidak menghormati agama Islam.

“Mereka boleh maki orang, buat macam-macam, gunakan cara keras dan dedahkan diri mereka (dengan cara yang tidak sopan). Jadi, adalah mengecewakan yang mereka (penyokong Pas) perlu sokong orang yang tidak menunjukkan hormat kepada ajaran Islam,” katanya.

Ditanya sama ada faktor calon menjadi penentuan kepada kemenangan Pas bagi kerusi DUN Anak Bukit, Dr Mahathir berkata, kekalahan BN di kerusi berkenaan bukan kerana pemilihan calon tetapi disebabkan penyokong Pas yang tidak berfikir.

Beliau berkata, ahli Pas yang terlalu taksub dengan pemimpin mereka akan mengikut apa saja yang disuruh pemimpin walaupun untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai budaya Melayu.

“Saya tak fikir soal calon. Saya tahu, kalau parti lawan letak tongkol kayu pun, dia menang. Kalau dia ambil pemimpin Umno hari ini dijadikan calon Pas pun, menang juga. Dia (penyokong ekstrim) tak fikir langsung. Dia nampak bulan, dia sokong,” katanya.

Bagi DUN Anak Bukit, Pas menerusi calonnya, Amiruddin Hamzah menewaskan calon BN Datuk Zakaria Said dengan majoriti 508 undi.

Amiruddin memperoleh undi sebanyak 8,298 undi sementara Zakaria mendapat 7,790 undi.

Di samping itu, Dr Mahathir juga tidak bersejua dengan tanggapan bahawa seseorang yang pernah memegang jawatan beberapa kali tidak perlu dicalonkan semula pada pilihan raya seterusnya.

Katanya, tidak semestinya seseorang yang pernah memegang jawatan sebagai wakil rakyat beberapa kali tidak patut dicalonkan semula.

“Saya memegang semula jawatan (Anggota Parlimen Kubang Pasu) sebanyak enam kali, bertanding tujuh kali, kalah sekali... kalau ada syarat itu saya tak bolehlah bertanding,” katanya.